



SEBANYAK 93 peratus kes AEFI yang diterima adalah tidak serius.

460 kematian tiada kaitan vaksinasi

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mendedahkan sebanyak 460 daripada 607 kematian penerima vaksin Covid-19 tidak mempunyai hubung kait secara langsung dengan vaksin yang diterima melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Dr. Roshayati Mohamad Sani berkata, penyiasatan dan penilaian dilakukan Jawatankuasa Khas Farmakovigilans Vaksin Covid-19 (JFK) mengesahkan perkara tersebut.

Sementara baki 147 laporan itu, menurut beliau masih dalam proses penyiasatan sebelum dinilai JFK.

“Jumlah kematian itu adalah antara jumlah keseluruhan laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) yang diterima melibatkan 1,794 laporan.

“Ta bersamaan kadar 26 laporan bagi setiap sejuta dos yang dikategorikan sebagai AEFI serius berdasarkan klasifikasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO),” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Roshayati, semua laporan serius AEFI diterima

sebelum ini memerlukan penyiasatan lengkap dan penilaian terperinci sebelum hubung kait kesan dilaporkan dan vaksin diterima dapat ditentukan.

“Ta berdasarkan WHO yang merujuk kepada kesan yang menyebabkan kemasukan ke dalam wad, atau pemanjangan tempoh di wad, membahayakan nyawa, menyebabkan kehilangan upaya yang signifikan atau memerlukan intervensi untuk mencegah kerosakan kekal tubuh, menyebabkan kecacatan semasa lahir atau disyaki menyebabkan kematian.

“Jumlah AEFI serius adalah sebahagian hasil penilaian ke atas laporan diterima yang menunjukkan 93 peratus atau 24,039 daripada AEFI dilaporkan adalah bagi kes-kes tidak serius,” katanya.

Ujar beliau lagi, kesan advers paling kerap dilaporkan penerima vaksin adalah mengalami demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan.

“Semua kesan ini biasanya akan pulih dalam masa satu hingga dua hari,” tambah Roshayati.